

Oleh : DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK
Tempat: DEWAN BESAR INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA KUALA LUMPUR
Tarikh: 27-02-2004
Tajuk : SEMINAR PENCAPAIAN MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA ISLAM

Dif-dif Kehormat;
Tuan-tuan dan Puan-Puan;

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada IKIM kerana menjemput saya untuk merasmikan seminar "Pencapaian Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam". Saya amat menghargai usaha untuk mengadakan Seminar ini, kerana ianya memberi peluang kepada kita untuk merenung sejenak perjalanan negara kita ini dan menilai setakat mana kejayaan kita dalam mengembangkan syiar Islam dan memajukan sebuah tamadun Islam yang berjaya dalam dunia yang serba moden dan canggih ini. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada IKIM kerana menganjurkan Seminar ini yang sesuai dan tepat pada masanya. Semoga Seminar ini akan memberi manfaat yang besar kepada kita semua.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Mana-mana negara yang pernah dijajah oleh kuasa asing untuk suatu tempoh yang lama, sedikit sebanyak akan mendapati bahawa nilai dan budaya pihak penjajah akan menyelinap masuk dan akhirnya bercampur aduk dengan nilai dan budaya tempatan. Ini telah banyak berlaku di negara-negara yang pernah menjadi koloni kuasa-kuasa barat sehinggakan mereka terpengaruh samasekali. Bukan sekadar budaya dan bahasa mereka berubah, malah agama bangsa yang dijajah juga tergadai. Ramai yang memeluk agama penjajah dan kekal dalam keadaan itu hingga ke hari ini.

Alhamdulillah, di Malaysia perkara demikian tidak terjadi. Pegangan orang Islam Tanah Melayu terus kuat walaupun dijajah berkali-kali oleh kuasa-kuasa asing yang berbeza-beza, iaitu Portugis, Belanda, British dan juga Jepun. Walaupun tidak dinafikan bahawa pengaruh budaya asing tetap wujud di kalangan masyarakat kita menjelang negara mencapai kemerdekaan, ianya tidaklah begitu mendalam seperti di sesetengah negara lain. Lebih penting, ianya dibendung dengan jayanya oleh pentadbiran negara ini, dan nilai-nilai murni bangsa kita dan keagungan agama Islam terus dipelihara dan diperkukuhkan. Boleh dikatakan, keadaan yang wujud pada hari ini, iaitu munculnya Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang menjadi contoh kepada seluruh dunia, adalah hasil dari usaha berterusan Kerajaan negara ini, sejak merdeka

hinggalah ke hari ini.

Tuan-tuan dan Puan-Puan,

Penilaian tentang pencapaian negara amat penting dilakukan dari masa ke semasa berdasarkan kepada petunjuk-petunjuk yang disokong dengan fakta-fakta yang terkini dan benar. Ini bagi membolehkan kita merumuskan dasar-dasar yang selaras dan bertepatan dengan roh Islam. Ini kita lakukan kerana kita percaya apa yang kita perjuangkan adalah kebenaran dan setiap yang benar itu akan sentiasa mengatasi fitnah dan kemungkar. Inilah komitmen Kerajaan dalam memperkasa pentadbiran dan pengurusan negara melalui pemerintahan yang berpaksikan kepada "aamal maaruf nahi mungkar".

Dalam usaha kita menuju ke Wawasan 2020 adalah amat penting bagi setiap lapisan masyarakat menilai komitmen masing-masing terhadap aspirasi negara serta mengambil langkah-langkah proaktif ke arah mencapai matlamat yang disasarkan. Ini hanya boleh dilakukan dengan penilaian yang berterusan di samping komitmen tinggi dan kesungguhan semua pihak dalam menyumbang kepada pembangunan negara.

Apabila kita bercakap tentang penilaian semula dan pencapaian Malaysia sebagai sebuah negara Islam, antara perkara asas yang sentiasa diberi perhatian oleh Kerajaan ialah bidang pendidikan. Oleh kerana ilmu merupakan faktor terpenting dalam pembangunan negara, pendidikan diberi penekanan khusus dan sentiasa mendapat peruntukan yang besar setiap kali belanjawan negara dibentangkan. Bajet 2004 memperuntukkan satu perempat atau RM20.2 bilion daripada perbelanjaan mengurus kepada sektor pendidikan.

Pendidikan Islam pula kini mengalami penilaian semula dengan penekanan diberi kepada menjadikannya lebih bermakna dalam membentuk masyarakat yang maju. Penyusunan semula Sekolah Agama Rakyat bertujuan meningkatkan peranan pendidikan agama dalam pendidikan masyarakat dan pembangunan negara secara menyeluruh, lebih sistematik dan berkesan. Usaha ini diambil bagi melahirkan golongan Islam yang bukan sahaja memahami agama Islam tetapi juga mampu menyumbang kepada pembangunan negara dalam bidang-bidang kritikal yang lain. Kita mahu sistem pendidikan kita melahirkan bukan sahaja seseorang yang memahami agamanya tetapi juga mampu menjadi teknokrat yang boleh menyumbang kepada pembangunan negara.

Sejarah dan tammadun Islam dahulu boleh dibanggakan dengan lahirnya teknokrat dan ilmunan Islam seperti Ibnu Sina yang bukan sahaja mahir dalam bidang agama tetapi juga merupakan sarjana kedokteran Islam pada masa itu. Buku-buku perubatannya menjadi rujukan di negara-negara barat.

Imam Abu Hanifah yang warak merupakan juga tokoh perniagaan

yang handal dan jujur. Al-Khawarizmi pula merupakan tokoh dalam bidang matematik. Imam Al-Ghazali bukan semata-mata seorang sufi dan ulama tetapi banyak menyumbang kepada bidang-bidang pengurusan negara. Begitu juga dengan Ibnu Taimiyah dan lain-lain ulama masyur sewaktu era kegemilangan Islam yang lampau. Kesemua mereka ini cuba untuk mengubah sikap masyarakat masa itu dengan mengembling dan menggunakan pengetahuan agama yang mendalam untuk menyumbangkan kepada pembangunan negara.

Prestasi pencapaian negara dalam bidang ekonomi pula menunjukkan bahawa Kerajaan telah berjaya melaksanakan tanggungjawabnya berasaskan penilaian yang berterusan dan sikap proaktif dan dinamik dalam pengurusan ekonomi. Pertumbuhan ekonomi Malaysia telah mencatatkan kadar yang lebih kukuh sebanyak 5.2 peratus untuk tahun 2003 walaupun berhadapan dengan persekitaran global yang tidak menentu.

Tindakan pantas Kerajaan untuk mengambil inisiatif dan merangka dasar, seperti Pakej Strategi Baru bagi menangani kesan negatif akibat wabak SARS dan konflik di timur tengah umpamanya, telah menyumbang kepada perkembangan pesat aktiviti ekonomi dalam negara. Pertumbuhan tinggi ini yang dicapai dalam suasana inflasi yang rendah serta rizab antarabangsa yang meningkat telah memantapkan lagi asas ekonomi makro.

Kedudukan keseluruhan dayasaing Malaysia pula di peringkat dunia telah melonjak enam kedudukan daripada tempat ke-10 pada tahun 2001 kepada tempat ke-4 pada 2003 di kalangan negara-negara yang melebihi 20 juta penduduk.

Prestasi ekonomi Malaysia kini dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh di paras 6 peratus hingga 7 peratus pada tahun ini berbanding unjuran pertumbuhan 5.2 peratus pada tahun 2003. Adalah amat penting kita sentiasa menilai dan mengambil langkah-langkah pro-aktif bagi membantu pencapaian sasaran yang telah kita tetapkan.

Dalam perlaksanaan sistem kewangan dan perbankan Islam pula, Malaysia diakui sebagai negara model. Kejayaan kita dijadikan sumber rujukan utama bagi negara-negara yang ingin membentuk system kewangan Islam. Perbankan dan sistem kewangan Islam ini diperkenalkan dengan tujuan melaksanakan Islam dalam bentuk yang praktikal yang boleh diguna pakai oleh rakyat jelata. Malaysia telah diiktiraf sebagai sebuah negara yang terkehadapan dalam kewangan Islam mengatasi negara-negara Islam lainnya.

Perbankan Islam di Malaysia dilaksanakan mengikut kesesuaian dengan masyarakat majmuk yang berbilang bangsa dan agama. Ia dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan beransur-

ansur. Pendekatan ini adalah untuk memastikan perbankan Islam benar-benar menepati kehendak masyarakat secara keseluruhannya tanpa menimbulkan sebarang kontroversi. Pendekatan ini, pada umumnya telah berjaya mencapai matlamat yang diharapkan. Hari ini, kita dapat menyaksikan pelbagai institusi kewangan Islam di negara ini yang setiap satu daripadanya saling lengkap-melengkapi antara satu dengan yang lain. Sebagai tanda kelebihan sistem perbankan Islam berbanding sistem konvensional, kita dapati sambutan daripada pelanggan bukan Muslim juga amat baik sekali. Ini juga menjadi bukti bahawa prinsip-prinsip kewangan Islam diakui keadilannya oleh orang-orang yang tidak seagama dengan kita.

Jika disoroti susur-galur sejarah perbankan Islam, khususnya pada dekad 1960-an, idea ke arah menubuhkan bank Islam dianggap satu pandangan yang ganjil, kerana sebahagian besar umat Islam pada masa itu telah terpisah daripada sudut ilmu fekah yang diajar serta tidak dapat membayangkan pelaksanaan konsep muamalat Islam dalam sistem perbankan moden. Kini produk-produk berkaitan dengan kewangan lain seperti Takaful Islam, "Islamic bond", Islamic security fund, Dinar Emas dan lain-lain diterokai pula dan Malaysia memainkan peranan yang utama dalam perlaksanaannya di peringkat antarabangsa. Kerajaan komited dan akan terus mendokong cita-cita untuk membina satu sistem perbankan Islam yang lengkap, inovatif dan progresif yang sudah pastinya memberi sumbangan bermakna ke arah pembangunan ekonomi negara.

Tuan-tuan dan Puan-Puan,

Globalisasi dan liberalisasi telah mengakibatkan persaingan yang semakin hebat dan membawa kepada kemunculan peserta baru dalam pasaran terutamanya negara-negara yang mempunyai kos pengeluaran yang lebih rendah. Ini mendorong Kerajaan untuk mengukuhkan lagi daya saing negara. Langkah-langkah tambahan telah direkabentuk berasaskan daya saing sedia ada yang berpaksikan kepada kestabilan politik, Kerajaan yang mesra peniaga, tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan mudah dilatih, sumber semulajadi yang banyak serta pengurusan ekonomi yang cekap diharap akan menyumbang kepada asas makro ekonomi yang kukuh pada tahun ini.

Pencapaian Malaysia dalam bidang ekonomi telah banyak didorong oleh faktor sokongan dan perkhidmatan lain yang dirancang dan dibangunkan oleh Kerajaan secara teliti. Selain daripada sistem kewangan dan perbankan yang kukuh, rangkaian infrastruktur yang terbaik termasuk pembangunan sektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), infrastruktur lebuhraya, lapangan terbang, rangkaian pelabuhan berkelas dunia dan kemudahan-kemudahan lain, ditambah dengan pengurusan yang cekap dan efisien sektor

awam dan swasta, telah berjaya meningkatkan daya saing dan prestasi pembangunan negara ke tahap yang lebih baik. Cuma dalam hal seperti ini kita tidak melabelkannya dengan Islam, walaupun semua perkara yang telah disebutkan tadi ini amat dituntut oleh agama kita untuk dilaksanakan sebagai sebahagian daripada tanggung jawab pemerintah.

Alhamdulillah, kesungguhan berterusan dan komitmen Kerajaan khususnya dibawah pentadbiran Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam membentasi gejala rasuah dan usaha yang diambil bagi membina keyakinan semua pihak melalui Kerajaan yang bersih dan telus membuktikan bahawa elemen penilaian sentiasa diberi perhatian oleh pihak kepimpinan negara secara berterusan. Ini bertepatan sekali dengan tuntutan Islam yang menganjurkan kepimpinan negara supaya sentiasa bertanggungjawab, adil dan benar-benar berkhidmat untuk kesejahteraan ummah.

Tidak lengkap sekiranya saya tidak menyentuh sedikit tentang kestabilan dan kematangan politik yang telah dicapai oleh Malaysia sejak negara ini merdeka. Pencapaian Malaysia dalam bidang politik khususnya yang membabitkan keharmonian kaum dan prestasi Kerajaan dalam menjamin perpaduan dan keharmonian pelbagai kaum di Malaysia menjadi "track record" yang sukar ditandingi oleh mana-mana negara di dunia hari ini.

Peralihan pucuk pimpinan yang berlangsung dalam suasana yang aman dan licin membuktikan kematangan kepimpinan politik yang menerajui negara selama ini. Pemindahan pucuk pimpinan yang lancar terlaksana berasaskan semangat musyawarah, toleransi dan kesepakatan. Kepimpinan negara berjaya mengelakkan perebutan kuasa yang sering berlaku di sesetengah negara yang mengakibatkan pertumpahan darah, keadaan kucar kacir yang mengancam keselamatan rakyat dan negara mereka. Kita bebas daripada rusuhan kaum dan kegawatan politik ganas yang sering mencemar banyak negara Islam dan negara dunia ketiga. Malaysia telah membuktikan kepada dunia bahawa ia sebuah negara Islam yang kekal stabil dari segi politik dan terus makmur dari segi ekonomi.

Kita juga patut bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana melindungi negara kita sepanjang masa. Tidak berlaku malapetaka dan bencana alam yang besar seperti yang menimpa beberapa buah negara seperti gempa bumi di Iran, kebakaran hutan di Australia dan banjir yang melanda beberapa buah negeri di Amerika Syarikat tidak berapa lama dahulu. Alhamdulillah tiada kejadian alam yang telah meranapkan bangunan dan mengorbankan beribu manusia dalam sekelip mata di negara ini. Malaysia dilindungi Allah S.W.T. daripada semua ancaman itu. Kita bersyukur kepada-NYA.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Dalam suasana kerahmatan yang ALLAH limpahkan ini, Kerajaan menyedari bahawa pembangunan dan kemajuan sesebuah masyarakat tidak hanya bergantung kepada sejauh mana pencapaiannya dalam bidang ekonomi dan politik sahaja. Untuk mewujudkan persekitaran yang harmoni dalam sesebuah masyarakat yang sejahtera, pembangunan ekonomi adalah penting kerana ianya akan dapat membantu meningkatkan taraf hidup rakyat.

Banyak program dan dasar yang dilaksanakan ini menjurus kepada pembentukan masyarakat yang sihat dan sejahtera. Dasar sosial negara, program gaya hidup sihat, keluarga bahagia, program-program belia dan remaja, pemeliharaan hak dan perlindungan wanita dan kanak-kanak, perlindungan alam sekitar, pewujudan institusi keselamatan seperti tentera dan polis merupakan antara lain yang dilaksanakan bagi menjamin kesejahteraan rakyat.

Berhubung dengan penilaian prestasi dan pencapaian dari aspek keselamatan dan kesejahteraan masyarakat, Kerajaan dari semasa ke semasa menilai pencapaiannya secara objektif, dan bertindak segera bagi memperbaiki keadaan. Justeru itu kita lihat bahawa baru-baru ini Kerajaan membentuk Suruhanjaya Diraja Polis yang bertujuan memperbaiki kelemahan pengurusan yang dikenalpasti agar pasukan polis dapat berdiri atas prinsip pengurusan yang cekap, telus dan bertanggungjawab. Semua ini merupakan contoh yang membuktikan kerajaan adalah serius dalam menjaga kepentingan dan keselamatan masyarakat sepertimana yang disarankan oleh agama kita.

Umat Islam di Malaysia perlu melihat segala pergolakan yang berlaku di persekitaran kita sebagai cabaran dan menjadikan cabaran-cabaran ini untuk kita sama-sama meningkatkan lagi kemajuan negara kita Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang kukuh, maju, terus berwibawa, cemerlang dan gemilang. Kita perlu terus meneliti dan mengkaji tentang kekuatan dan kelemahan kita. Untuk tujuan itu, umat Islam harus terus berusaha mengekalkan prestasi pencapaian mereka dalam semua bidang bagi menjamin kesejahteraan yang berterusan.

Jangan pula kita sengaja mengundang bencana yang boleh merosakkan negara, meruntuhkan apa yang telah kita capai selama ini. Insaflah dan lihat kembali kepada kejatuhan empayar Islam yang lampau dan keruntuhan empayar gemilang lain. Kejatuhan dan kemusnahan yang mereka hadapi adalah akibat daripada bencana yang timbul akibat angkara manusia yang tidak mensyukuri nikmat yang Allah SWT kurniakan. Mereka hilang tumpuan dan leka dengan buaian kemewahan yang

di perolehi.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya percaya, penganjuran seminar "Pencapaian Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam" ini akan dapat mengupas pencapaian kita setakat ini. Lebih daripada itu, seminar ini diharap akan dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat bahawa pencapaian ini adalah sesuatu yang patut kita hargai dan seharusnya di pertingkatkan melalui usaha yang bersungguh-sungguh melalui penghayatan agama Islam yang sebenar, secara jujur, rasional dan tidak emosi.

Sebenarnya kita tidak perlu merenung jauh untuk melihat pencapaian kita dalam menegakkan syiar Islam dan mewujudkan sebuah negara Islam bertamaddun yang mampu dijadikan contoh. Renungkanlah kepada masyarakat kita hari ini. Amat jauh sekali kesedaran mereka terhadap nilai-nilai Islam dan penerimaan mereka terhadap cara hidup Islam, berbanding dengan beberapa dekad yang lampau. Alhamdulillah, kita bersyukur, kerana dengan pendekatan Kerajaan yang halus, teliti dan bercorak sederhana, kita berjaya membuktikan bahawa nilai-nilai Islam dapat dimajukan serentak dengan pembangunan material dalam suasana negara bermasyarakat majmuk. Kita telah membuktikan bahawa Malaysia boleh dibangunkan sebagai sebuah negara Islam contoh tanpa menggadai hak mana-mana kaum dan agama.

Akhir kata, marilah kita sama-sama menggunakan peluang untuk menilai prestasi dan pencapaian kita dan menggunakannya bagi merangka dan merencana usaha kita. Jangan kita lepaskan peluang ini untuk terus merangka pendekatan dan strategi bagi pembangunan Malaysia di masa hadapan. Dengan ini, saya dengan lafaz Bismillahirrahman nirrahim, merasmikan Seminar Pencapaian Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam. Terima kasih.

Pejabat Timbalan Perdana Menteri
Putrajaya